

Trend Emoji dalam Komunikasi Digital: Sorotan Literatur Bersistematis

NUR DIYANA ZAMANI & MASLIDA YUSOF

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk meneliti sorotan kajian emoji dalam komunikasi digital. Peningkatan penggunaan emoji yang kini telah menjadi sebahagian daripada sistem operasi mudah alih di seluruh negara telah menarik perhatian ramai pengkaji untuk mendalami subjek kajian ini. Di Malaysia, terdapat sejumlah kajian lepas yang memilih emoji sebagai subjek perbincangan mereka. Sehubungan itu, artikel ini telah melakukan tinjauan literatur bersistematis terhadap trend kajian emoji dan trend kerangka teori atau pendekatan yang digunakan dalam kalangan pengkaji di Malaysia. Sumber data yang diperoleh adalah melalui carian secara sistematik berkaitan kajian emoji dalam dua pangkalan data yang terlibat iaitu google scholar dan scopus dari tahun 2017 hingga tahun 2021. Dapatan melalui hasil penelitian dalam artikel ini menunjukkan bahawa trend kajian emoji lebih tertumpu kepada dua pengkategorian subtema iaitu kajian fungsi penggunaan emoji dan tafsiran terhadap emoji. Dari sudut kerangka teori pula, didapati bahawa emoji boleh dibincangkan dalam pelbagai jenis kerangka dan antaranya mengaplikasikan teori lakuan tutur, teori 8-function taxonomy of emoji, teori Fuzzy Clustering, teori simulasi, teori semantik dan teori komunikasi. Di samping itu, pendekatan kualitatif antara kerangka yang paling banyak digunakan oleh pengkaji dalam menjalankan kajian terhadap emoji yang melibatkan kajian temu bual, soal selidik dan pemerhatian. Melalui hasil dapatan dalam artikel ini, menyumbangkan pengetahuan yang sedia ada tentang korpus ilmu berkaitan fungsi dan tafsiran penggunaan emoji dalam komunikasi secara digital serta kerangka kajian yang digunakan dalam mengkaji emoji. Sekaligus mampu menyumbang idea baharu kepada pengkaji-pengkaji untuk menghasilkan kajian pada masa hadapan.

Kata Kunci: emoji; kajian lepas; tinjauan literatur bersistematis; trend kajian; trend kerangka teori.

ABSTRACT

This research study aims to examine the literature review of emoji in digital communication. The increasing use of emojis that have now become part of mobile operating systems across the country has attracted the attention of many researchers to delve deeper into the subject of this study. In Malaysia, there are a number of past studies that have chosen emojis as the subject of their discussion. Accordingly, this article was produced to conduct a systematic literature review on emoji research trends and theoretical framework trends or approaches used among researchers in Malaysia. The data source obtained is through a systematic search related to emoji studies in the two databases involved, namely google scholar and Scopus from 2017 to 2021. Findings through research results in this article show that emoji related research trends more focused on two sub-theme categorizations namely the functional study of the use of emojis and the interpretation of emojis. In terms of theoretical framework, it is found that emojis can be discussed in various types of frameworks and among them apply the theory of speech act, 8-function taxonomy theory of emojis, Fuzzy Clustering theory, simulation theory, semantic theory and communication theory. In addition, qualitative approaches are among the most widely used frameworks by researchers in conducting emoji related studies involving interviews, questionnaires and observations. Through the findings in this article, contribute existing knowledge about the corpus of knowledge related to the function and interpretation of the use of emoji in digital communication as well as the research framework used in studying emoji. At the same time, able to contribute new ideas to researchers to produce studies in the future.

Keywords: emoji; previous studies; systematic literature review; study trends; theoretical framework trends.

PENGENALAN

Emoji adalah ‘watak gambar’ yang dihasilkan dalam peranti telefon bimbit di Jepun pada akhir 1990-an (Ling 2018: 70), tetapi baru-baru ini menjadi popular di seluruh dunia dalam pesanan teks dan media sosial dengan penggunaan telefon pintar yang menyokong input dan watak emoji di dalamnya. Emoji diwakili

oleh standard Unicode yang menyediakan titik kod (atau jujukan titik kod) dan nama untuk setiap aksara emoji. Misalnya, emoji 😊 sebagai emoji “muka berseri-seri dengan mata tersenyum” dan titik kodnya adalah “U+1F601” (Miller, 2018:1). Watak emoji merangkumi bukan hanya wajah, tetapi juga konsep dan idea seperti cuaca, kenderaan dan bangunan, makanan dan minuman, atau aktiviti seperti berlari

dan menari (Umashanthi & Jacob 2015:1). Emoji juga merupakan bentuk bahasa visual yang semakin popular dalam bidang komunikasi digital dan digunakan sebagai penambah emosi yang berkesan dan dapat mengimbangi kekurangan maklumat bukan lisan dalam komunikasi bertulis (Ling, 2018:1). Komunikasi digital adalah melibatkan interaksi dan penyampaian mesej secara maya yang menggunakan peranti digital seperti komputer atau telefon bimbit yang disertai dengan aplikasi atau laman media sosial tertentu seperti *Facebook*, *Instagram*, *WhatsApp*, *Twitter* dan sebagainya yang berasaskan internet. Oleh demikian, penggunaan emoji telah berkembang daripada simbol budaya serantau kepada bahasa visual universal di seluruh dunia, dan memainkan peranan penting dalam komunikasi harian manusia. Merujuk kepada *Unicode Standard Emoji Chart 1991-2021* terdapat sebanyak 1816 jenis simbol emoji telah dicatatkan dalam sistem tersebut dan sebanyak 217 emoji baru dalam senarai akhir telah dicatatkan pada Mei 2021 (dalam *emojipedia*).

Seiring dengan perkembangan dunia teknologi terutamanya melibatkan sistem dalam komunikasi digital telah menarik ramai pengkaji untuk mendalami dan membincangkan perkara atau isu yang melibatkan populasi penggunaan yang tinggi dalam kalangan pengguna. Analisis terhadap set emoji dan sistem emoji dapat membantu pengkaji untuk memahami tabiat penggunaan dan keutamaan estetik dari kumpulan pengguna emoji yang berbeza, dan memberikan perancang cadangan reka bentuk untuk sistem emoji dalam senario penggunaan yang berbeza. Berdasarkan tinjauan sorotan kajian lepas berkaitan emoji seperti kajian oleh Alienna et al. (2019) bertajuk *Emojification of Language: A Pragmatic Analysis of Facebook Discourse, Emoji as Digital Gestures* oleh Lauren & Gretchen (2019) dan Fungsi Penambahan Emoticon pada Teks dalam Penulisan Blog oleh Dinda (2014), terdapat beberapa isu atau permasalahan kajian yang telah dibincangkan dalam kalangan pengkaji ini. Antaranya, Alienna et al. (2019:5), menerangkan terdapat sedikit peralihan daripada kata-kata kepada penggunaan emoji dalam perbualan dalam talian. Oleh kerana, penggunaan emoji menunjukkan perbezaan apabila mengalami peralihan daripada ungkapan lisan ke dalam bentuk simbol dan hal ini dapat dibuktikan melalui penggunaan emoji dalam komunikasi secara teks.

Di samping itu, menurut Lauren dlm. Gretchen (2019: 170), setiap emoji tidak hanya memberikan fungsi yang sama malah terdapat emoji yang mempunyai fungsi yang berbeza namun, jurang perbezaan fungsi antara emoji dan gerak isyarat tidak ketara. Oleh itu, emoji mampu memberikan gambaran fungsi tersirat terhadap gerak isyarat yang bertindak dalam melancarkan sesuatu proses komunikasi yang berlaku sekali gus dapat menjelaskan fungsi bagi setiap emoji yang wujud dalam komunikasi teks. Seterusnya, penggunaan emoji juga memberi kesan terhadap maklumat yang diperoleh dalam teks dan juga terkadang mengalami kesukaran dalam memahami isi yang ingin disampaikan oleh penulis kepada pembaca (Dinda, 2014:2). Hal ini boleh menimbulkan salah faham kerana tafsiran emoji yang berbeza antara pengirim dan penerima. Oleh hal demikian, melalui hasil dapat kajian ini dapat menjelaskan kepada pengguna tentang simbol emoji yang digunakan cenderung tidak sesuai dengan makna sebenar simbol emoji, supaya dapat mengelakkan berlakunya konflik antara pengguna.

Menurut Qiyu Bai et al. (2019), penyelidikan mengenai emoji telah menjadi topik hangat dalam bidang akademik, dan semakin banyak sarjana dari bidang pengkomputeran, komunikasi, pemasaran, sains tingkah laku dan sebagainya sedang mempelajarinya. Justeru itu, tujuan artikel ini dihasilkan adalah untuk meneliti kajian lepas berkaitan emoji yang telah dikaji oleh para penyelidik sebelum ini yang tertumpu kepada kajian di Malaysia bermula tahun 2017 hingga 2021 dengan menggunakan kaedah sorotan literatur bersistematik. Kajian literatur ini merangkumi kajian-kajian dalam bidang bahasa dan komunikasi digital serta bidang teknologi maklumat.

OBJEKTIF KAJIAN

Secara khususnya, tujuan kajian ini dijalankan adalah untuk mencapai dua objektif utama iaitu pertama; meneliti trend kajian emoji dalam sorotan kajian lepas dalam kalangan pengkaji di Malaysia dan kedua; meneliti trend kerangka teori atau pendekatan yang digunakan dalam sorotan kajian lepas berkaitan emoji dalam kalangan pengkaji di Malaysia dengan mengaplikasikan kaedah sorotan literatur bersistematik.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan kaedah sorotan literatur bersistematik yang bertujuan untuk mengenal pasti, memilih dan menilai secara kritis penyelidikan untuk menjawab pelaporan persoalan kajian yang dirumuskan dengan jelas (Dewey & Drahot, 2016). Menurut Mark & Helen (2006:2), sorotan literatur bersistematik adalah kaedah untuk memahami sejumlah besar maklumat, dan kaedah untuk menyumbang kepada jawapan kepada soalan mengenai apa yang berfungsi dan apa yang tidak dan melibatkan jenis soalan yang lain juga. Kaedah ini menggunakan carian sistematik mengikut kepada keperluan strategi kajian berdasarkan objektif kajian. Carian sistematik ini dilakukan mengikut kepada protokol dan rancangan berpandukan PRISMA (Preferred Reporting Items for Systematics Review and Meta-Analysis). PRISMA adalah sekumpulan item minimum berdasarkan bukti untuk pelaporan dalam sorotan sistematik dan meta-analisis. PRISMA terutamanya memfokuskan pada pelaporan sorotan yang menilai kesan intervensi, tetapi juga dapat digunakan sebagai asas untuk melaporkan tinjauan sistematik dengan objektif selain daripada menilai intervensi. PRISMA memberi tumpuan kepada cara-cara di mana pengarang dapat memastikan pelaporan yang telus dan lengkap mengenai sorotan dan meta-analisis sistematik (Douglas et al., 2009:2). Carian hanya memfokuskan kepada kajian-kajian berkaitan emoji yang ditemui melalui tapisan automatik dalam pangkalan data google scholar dan scopus dengan memilih tetapan kata kunci, garis tahun, jenis penerbitan dan negara terbitan. Penelitian terhadap sorotan kajian ini hanya menghadkan pemilihan kajian-kajian tentang emoji yang dijalankan di Malaysia dalam tempoh tahun 2017 hingga 2021. Pemilihan data kajian akhir adalah berdasarkan strategi sorotan sistematik yang melibatkan tiga sub-proses utama iaitu pencarian sistematik, penyaringan kriteria penolakan dan penerimaan artikel dan kelayakan. Seterusnya, menetapkan penilaian terhadap artikel yang dipilih. Selanjutnya, menerangkan tentang bagaimana data diabstrak untuk sorotan dan bagaimana data yang diabstrak dianalisis dan disahkan.

PEMBENTUKAN PERSOALAN KAJIAN

Pembentukan persoalan bagi kajian ini adalah berdasarkan kepada Model PICO. Model PICO biasanya digunakan untuk merumuskan persoalan

klinikal dan juga persoalan kajian yang membantu penyelidik dalam proses pengambilan data dan mencari bukti yang relevan dari pangkalan data (Samsul et al., 2020: 11). Terdapat tiga konsep utama dalam model PICO iaitu populasi atau masalah, minat dan konteks. Berdasarkan kajian ini, tiga aspek utama tersebut diaplikasikan bagi menghasilkan persoalan kajian iaitu melibatkan trend kajian dan trend kerangka teori atau pendekatan (populasi), kajian emoji (minat) dan pengkaji di Malaysia (konteks). Justeru itu, terhasilnya rumusan persoalan kajian utama iaitu trend kajian emoji dan trend kerangka teori atau pendekatan yang digunakan dalam kajian emoji dalam kalangan pengkaji di Malaysia?

STRATEGI TINJAUAN SISTEMATIK

Terdapat tiga proses utama dalam strategi tinjauan sistematik iaitu melibatkan pencarian sistematik, penyaringan kriteria penolakan dan penerimaan artikel dan kelayakan.

PENCARIAN SISTEMATIK

Pencarian sistematik dilakukan untuk mengenal pasti sorotan kajian yang relevan dan berkait rapat dengan kata kunci utama penelitian ini iaitu melibatkan kajian tentang emoji. Ini adalah bertujuan untuk mencari lebih banyak artikel berkaitan tinjauan melalui pangkalan data yang digunakan iaitu daripada *google scholar* dan *scopus*. Kata kunci yang dibina adalah berdasarkan persoalan kajian yang dicadangkan oleh (Xiao & Watson, 2017:2) dan proses pencarian bergantung kepada kata kunci yang digunakan. Justifikasi pemilihan pangkalan data dari *google scholar* dan *scopus* dalam kajian literatur sistematik adalah kerana beberapa kelebihan yang dimilikinya seperti fungsi pencarian pendahuluan, komprehensif (mengindeks lebih daripada 5000 penerbit), dan mengawal kualiti artikel dan mempunyai fokus multidics, termasuk pengurusan persekitaran yang berkaitan kajian (Martin et al. dlm. Hayrol et al., 2020:3). Berdasarkan proses pencarian dalam kedua-dua pangkalan data ini iaitu *google scholar* dan *scopus* telah menghasilkan sebanyak (n= 872) artikel sorotan kajian yang ditemui berdasarkan kriteria yang telah ditetapkan secara automatik. Berikut Jadual 1 di bawah menunjukkan rentetan carian melalui pangkalan data dari *google scholar* dan *scopus*.

JADUAL 1. Rentetan carian

Pangkalan data	Rentetan carian
Google scholar	TITLE= (“emoji” OR “emoticon” OR “emotikon” OR “emojis” OR “kajian emoji” OR “analysis of emoji” OR “analysis of emojis” OR “teori emoji” OR “emoji theory” OR “kerangka emoji” OR “pendekatan emoji” OR “emoji framework” OR “emoji approach”))
Scopus	TITLE-ABS-KEY= (“emoji” OR “emoticon” OR “emotikon” OR “emojis” OR “kajian emoji” OR “analysis of emoji” OR “analysis of emojis” OR “teori emoji” OR “emoji theory” OR “kerangka emoji” OR “pendekatan emoji” OR “emoji framework” OR “emoji approach”))

PENYARINGAN KRITERIA PENOLAKAN DAN PENERIMAAN

Penyaringan kriteria penolakan dan penerimaan ini melibatkan (n= 870) artikel sorotan kajian (setelah disingkirkan rekod bilangan data yang sama) yang dipilih berdasarkan kriteria yang telah ditetapkan secara automatik dalam fungsi penyusunan yang terdapat dalam pangkalan data yang digunakan. Pemilihan tersebut adalah mengikut kepada persoalan kajian seperti yang dikemukakan oleh Xiao & Watson (2017:1). Penyaringan ini melibatkan set kriteria yang mantap bagi membandingkan kajian sorotan yang terlibat sama ada kajian sorotan kritikan atau kajian sorotan kritikal (Xiao & Watson, 2019:3). Penyaringan ini adalah berdasarkan kriteria penolakan dan penerimaan yang telah ditetapkan bagi memperoleh data akhir yang relevan untuk diteliti. Kriteria penerimaan yang telah ditetapkan ialah dengan menetapkan garis tahun dari 2017 hingga 2021. Tetap tempoh garis tahun ini adalah untuk mendapatkan sorotan kajian-kajian terbaru dan terkini serta tempoh masa lima tahun ini adalah bersesuaian dan selari dengan kajian dalam dunia teknologi yang begitu pesat membangun dan banyak pembaharuan yang telah berlaku bagi mengelakkan daripada isu yang tidak lagi relevan untuk dibincangkan.

Selain penyaringan strategi pencarian menggunakan kata kunci dan tetapan garis tahun, sorotan kajian ini juga memperincikan carian hanya melibatkan terbitan melalui artikel jurnal, prosiding dan tesis. Hal ini demikian kerana, pemilihan sorotan

kajian dalam pelbagai bentuk penulisan dapat memaparkan kepelbagaian sumber literatur yang diperlukan. Seterusnya, kriteria penerimaan hanya melibatkan sorotan kajian yang hanya diterbitkan di Malaysia sahaja dan pemilihan bahasa yang digunakan dalam sorotan kajian perlulah sama ada bahasa Melayu mahupun bahasa Inggeris. Hal ini kerana, merujuk Perkara 152 dalam perlembagaan Malaysia telah memperuntukkan bahawa bahasa Melayu merupakan bahasa kebangsaan di Malaysia manakala bahasa Inggeris adalah sebagai bahasa kedua. Justeru itu, pemilihan kedua-dua bahasa ini adalah untuk mengelakkan berlakunya ketidakfahaman dalam kalangan pembaca. Selanjutnya, penyaringan kriteria penolakan pula melibatkan perkara selain daripada penyaringan kriteria penerimaan yang telah dinyatakan. Oleh itu, tujuan penyaringan ini dilakukan adalah untuk mendapatkan sorotan kajian yang paling relevan dengan objektif kajian yang dibincangkan. Berdasarkan tapisan secara automatik melalui pangkalan data yang digunakan dengan menetapkan garisan tahun, jenis penerbitan, negara dan bahasa membawa kepada penemuan jumlah sorotan kajian dalam pangkalan data *google scholar* sebanyak (n = 12), manakala melalui pangkalan data *scopus* jumlah yang diperoleh adalah (n = 2). Oleh itu, menjadikan jumlah rekod artikel yang ditolak setelah melalui proses penyaringan adalah sebanyak (n= 856) artikel. Berikut Jadual 2 di bawah memaparkan secara ringkas kriteria penerimaan dan kriteria penolakan.

JADUAL 2. Kriteria penolakan dan penerimaan sorotan kajian


Kriteria	Penolakan	Penerimaan
Garis tahun	2016 ke bawah	2017 hingga 2021
Jenis penerbitan	Tidak termasuk artikel jurnal, prosiding dan tesis	Artikel jurnal, prosiding dan tesis
Negara	Luar Malaysia	Dalam Malaysia
Bahasa	Selain bahasa Melayu dan bahasa Inggeris	Bahasa Melayu dan bahasa Inggeris

KELAYAKAN SOROTAN KAJIAN

Bagi memastikan sorotan kajian yang layak dipilih untuk melalui proses penelitian, analisis kandungan dilakukan dengan menggunakan pendekatan terarah seperti yang disarankan oleh Hsiu & Sarah (2005:1277) berdasarkan teori atau penemuan yang relevan. Merujuk kepada sorotan kajian yang diperoleh daripada pangkalan data *google scholar*, tetapan susunan data secara relevan yang dilakukan secara automatik diaplikasikan dan pemilihan data hanya melibatkan data dari tahun 2017 hingga 2021. Seterusnya, tapisan data yang dipilih hanya terhenti di halaman 45 daripada 86 halaman keseluruhannya kerana artikel-artikel yang terkandung dalam halaman-halaman seterusnya tidak lagi relevan sebagai pemilihan. Kemudian, bagi sorotan kajian yang diperoleh melalui pangkalan data *scopus* turut melibatkan tetapan data yang terdiri daripada pemilihan hanya terbitan di Malaysia dan data yang diterbitkan dari tahun 2017 hingga 2021. Justeru itu, sorotan kajian yang dipilih dikategorikan mengikut susunan melalui proses kelayakan. Kategori

tersebut ditetapkan mengikut kepada “pertimbangan tema, bentuk dan idea penelitian yang terdapat dalam keseluruhan sorotan kajian dan seterusnya ditentukan sebagai penemuan (Opfer & Pedder, 2011:383).

Di samping itu, Model PRISMA seperti yang telah dijelaskan dalam bahagian metodologi, diaplikasikan bagi mengenal pasti sampel sorotan kajian yang sesuai digunakan untuk melalui proses kelayakan. Sebanyak (n= 870) buah sorotan kajian telah dikenal pasti dan seterusnya perlu melalui proses penyaringan penolakan dan penerimaan. Setelah melalui proses penyaring, daripada (n= 870) buah sorotan kajian tersebut hanya (n= 14) buah artikel sahaja yang diterima sebagai sampel kajian manakala (n= 856) artikel lagi telah ditolak. Oleh demikian, menjadikan sebanyak (n= 14) buah artikel yang layak untuk diteliti bagi menjawab segala persoalan kajian sekali gus mencapai objektif kajian ini. Berikut, Rajah 1 di bawah menunjukkan carta alir Model PRISMA yang dikemukakan oleh Moher et al. (2009), yang dijadikan panduan untuk tinjauan literatur bersistematik.



RAJAH 1. Carta Alir Model PRISMA (Moher et al., 2009)

EKSTRAK DATA DAN ANALISIS

Kajian ini hanya mengekstrak data dari kajian terpilih yang sesuai dengan objektif kajian. Berdasarkan rekod akhir bilangan kajian yang dimasukkan selepas melalui proses kelayakan adalah sebanyak (n=14) buah artikel. Justeru itu, menjadikan jumlah keseluruhan artikel sorotan kajian yang akan dikaji ialah sebanyak 14 buah artikel. Seterusnya, berdasarkan 14 buah artikel yang dipilih tersebut, dikenal pasti corak penulisan yang disusun dari semua artikel yang dikaji. Sebarang maklumat atau data yang serupa atau berkaitan disatukan mengikut tema dan akhirnya dua tema utama ditentukan iaitu pertama; trend kajian-kajian emoji kedua; trend kerangka teori atau pendekatan yang digunakan. Kemudian dua tema utama tersebut diteliti semula dan menemui dua sub-kumpulan di bawah tema pertama iaitu melibatkan i) kajian-kajian fungsi penggunaan emoji dan; ii) kajian-kajian tafsiran emoji. Pembahagian ini bertujuan untuk

mendapatkan maklumat kajian dengan lebih tepat dan terperinci bagi mengemukakan trend kajian dan trend kerangka penyelidikan yang digunakan untuk menjawab segala persoalan kajian yang dinyatakan dalam artikel ini. Penelitian secara terperinci ini dibincangkan di bahagian hasil kajian.

HASIL DAN PERBINCANGAN KAJIAN

Berdasarkan kepada analisis terhadap 14 buah artikel sorotan kajian lepas tentang emoji telah menemukan dua tema utama untuk dibincangkan iaitu trend kajian-kajian emoji dan trend kerangka teori atau pendekatan yang digunakan dalam kajian-kajian emoji. Bagi perbincangan dalam bahagian tema trend kajian-kajian emoji dipisahkan mengikut dua sub-tema iaitu kajian-kajian fungsi penggunaan emoji dan kajian-kajian tafsiran terhadap emoji yang melibatkan penyelidikan oleh pengkaji di Malaysia. Sebagai mencapai objektif

kajian, pembahagian mengikut tema-tema akan dibincangkan berdasarkan maklumat-maklumat yang diperolehi daripada sorotan kajian lepas yang telah disatukan melalui tinjauan sistematik. Tema trend kajian-kajian emoji menunjukkan terdapat pelbagai perspektif yang dibincangkan dalam kalangan pengkaji. Namun, tumpuan yang paling kerap menjadi isu perbincangan dalam kalangan pengkaji berkaitan emoji ialah kajian tentang fungsi penggunaan emoji dan tafsiran terhadap emoji. Dapatan melalui trend kerangka teori atau pendekatan yang digunakan dalam kajian berkaitan emoji memperlihatkan bagaimana sesebuah kajian emoji dirangka dan dilaksanakan bagi mendapatkan hasil kajian yang tepat dan sistematik. Menurut Jim Stewart et al. (2011: 223), secara ringkasnya, konsep teori berkait rapat dengan pengertian sains yang pada asalnya sekurang-kurangnya, merujuk kepada penyiasatan dunia mengikut satu set peraturan dan prinsip. Dalam istilah yang sangat mudah, teori cuba menerangkan fenomena berdasarkan pemerhatian sistematik dengan cara yang boleh diuji dan diperbetulkan. Merujuk kepada tema yang dikemukakan ini, ia mampu memberikan maklumat terhadap perkembangan kajian emoji di Malaysia khususnya sumbangan ilmu dalam bidang teknologi maklumat dan bidang bahasa.

TREND KAJIAN-KAJIAN EMOJI

Kandungan bahagian pertama ini membincangkan tema utama trend kajian-kajian emoji yang telah dihasilkan oleh pengkaji-pengkaji di Malaysia. Berdasarkan penelitian terhadap trend kajian emoji dalam 14 buah artikel sorotan kajian yang dikaji dapat dikategorikan kepada dua kelompok sub-tema iaitu;

1. Kajian Fungsi Penggunaan Emoji

Terdapat sembilan buah sampel kajian yang selari dengan bahagian yang dibincangkan ini dan merupakan antara trend penulisan kajian yang paling banyak dihasilkan oleh para pengkaji. Penulisan-penulisan ini diperolehi melalui sumber-sumber bertulis berbentuk artikel jurnal, persidangan antarabangsa dan tesis di peringkat Sarjana dan Ijazah Doktor Falsafah melalui pencarian sistematik menggunakan *Google Scholar* dan *Scopus*. Antaranya, kajian oleh Azhar et al., 2021; Azianura, 2020; Rohayah & Hadina, 2020; Zahra & Maizatul, 2020; Noorlida & Zamzuri, 2019; Norwati &

Hishamudin, 2019; Syabila; Noris & Rahmita 2019; Melissa, 2018 dan Gonisha, 2017.

Penulisan dalam artikel prosiding yang dihasilkan oleh Azhar et al., (2021), berjudul “*Understanding Emoji Characters In Instant Messaging Apps*” dilaksanakan bertujuan untuk menganalisis reka bentuk watak antropomorfik emoji menggunakan kaedah analisis semiotik. Anthropomorphism adalah atribusi sifat, emosi, atau niat manusia kepada entiti bukan manusia dan dianggap sebagai kecenderungan semula jadi psikologi manusia (Slide dlm. Azhar et al. 2021: 148). Terdapat lapan kategori emoji yang dilihat iaitu melibatkan emoji gembira, marah, sedih, kurang sihat, sayang, takut, malu dan kelakar yang dipilih dari *Unicode.org*. Dapatan daripada analisis semiotik ini, menunjukkan bahawa persepsi antropomorfisme terhadap watak emoji adalah unik dan tersendiri. Dalam pengertian ini, ciri-ciri antropomorfik asas (mata, mulut, alis dll.) dan elemen grafik (air mata, termometer, bentuk jantung, warna dll) memainkan peranan penting dalam mewakili ekspresi yang dimaksudkan. Kajian ini telah menggabungkan ilmu psikologi manusia untuk mendapatkan tindak balas manusia terhadap penggunaan simbol atau entiti bukan manusia yang dianggap boleh menggambarkan sifat, emosi atau niat manusia.

Azianura (2020) pula, telah menghasilkan sebuah penulisan kajian yang bertajuk “*Accentuating Illocutionary Forces: Emoticons as Speech Act Realization Strategies in a Multicultural Online Communication Environment*” bagi menjawab persoalan kepada fungsi emotikon dalam persekitaran komunikasi dalam talian dengan meneliti perbualan kalangan remaja Malaysia di Facebook. Menurut penulis, dalam persekitaran komunikasi dalam talian, emotikon berfungsi sebagai daya kekuatan ilokusi (untuk mencapai kesan tertentu kepada pendengar) melalui ungkapan maya dalam menyampaikan perasaan dan motif pengguna dan berfungsi sebagai sebahagian daripada pelbagai gaya dan sikap komunikasi. Selain itu, dalam persekitaran komunikasi dalam talian yang berbilang budaya, emoji bukan sahaja berfungsi sebagai manifestasi bahasa tubuh, tetapi sebagai salah satu arah utama dalam memahami kepelbagaian dan pengetahuan budaya. Kajian tentang fungsi emoji yang dilihat dari sudut kekuatan ilokusi juga telah dilakukan oleh pengkaji di Indonesia iaitu Fauzia & Muniral (2016) yang melihat fungsi kekuatan ilokusi emoji senyum sebagai strategi kesantunan. Kajian ini juga membuktikan bahawa emoji berfungsi dalam

memaparkan gaya dan sikap pengguna terutamanya dalam aspek kesantunan.

Selanjutnya, Rohayah & Hadina (2020) memfokuskan kepada “*An Analysis of Whatsapp Emoji in Business Interactions between a Malaysian SME and the Turkish Counterparts*”. Tujuan kajian ini adalah untuk mengenal pasti penggunaan emoji dalam interaksi perniagaan *WhatsApp* dan untuk menerangkan jenis emoji yang digunakan. Hasil kajian menunjukkan bahawa peserta Malaysia lebih mahir dalam teknologi ketika menggunakan emoji berbanding rakan perniagaannya dari Turki. Emoji *WhatsApp* mewakili komunikasi bukan lisan dan fungsi lain dalam interaksi perniagaan. Penggunaan pelbagai emoji dapat mempermudah proses menjalankan perniagaan di kalangan pengusaha perniagaan. Penggunaan emoji membantu pengusaha dan pelanggan mengawal dan mengekalkan tahap perbualan untuk mengelakkan salah faham. Setiap emoji terdiri daripada makna yang berbeza dan bergantung kepada bagaimana pengirim mahu pembaca memahami makna sepanjang komunikasi. Dapatan dari kajian ini adalah selari dengan pandangan yang telah dikemukakan oleh Azianura (2020) dalam kajiannya yang menyatakan bahawa tujuan penggunaan emoji adalah untuk menunjukkan cara pengguna masyarakat pelbagai budaya menggunakan simbol emosi untuk mencapai perpaduan sosial dan menerapkan kepelbagaian budaya.

Zahra & Maizatul (2020), melalui penulisannya dalam jurnal antarabangsa yang bertajuk “*Feature Extraction Based On Fuzzy Clustering And Emoji Embeddings For Emotion Classification*”, membincangkan pengelompokan kabur untuk mengumpulkan emoji ke dalam satu atau lebih kelas emosi. Kemudian mengembangkan penyisipan pra-terlatih untuk emoji yang dinamakan sebagai FuzzyMoji2Vec (Zahra & Maizatul 2020:102). Model yang dicadangkan, emoji diklasifikasikan dengan mencari persamaan antara kelas emoji dan emosi, dan mengembangkan penyematan emoji yang dapat digunakan bersama dengan model penyisipan kata yang ada. Hasilnya menunjukkan bahawa korelasi antara kelas emoji dan emosi membantu meningkatkan ketepatan klasifikasi dalam sentimen dan analisis emosi tugas. Pengkaji juga mendapati bahawa FuzzyMoji2Vec pada umumnya mengatasi pendekatan penyematan emoji yang ada. Melalui hasil dapatan yang diperoleh oleh pengkaji ini mampu menyumbangkan pengetahuan terhadap penggunaan emoji mengikut kelas emosi

yang sesuai melalui gabungan pelengkap kata dengan penyisipan emoji.

Penulisan berikutnya berjudul “*Kerangka Konseptual Reka Bentuk Emoji untuk Poster Kesedaran dalam Bentuk Media Bercetak*” dihasilkan oleh Noorlida & Zamzuri (2019) yang ditulis melalui jurnal artikel. Kajian ini bertujuan untuk melihat kesan penggunaan emoji terhadap penjaan emosi dan pertimbangan positif dengan menggunakan pendekatan reka bentuk emoji yang berbeza dalam poster. Hasil daripada pemerhatian menunjukkan bahawa penggunaan emoji dengan pelbagai tahap, berdasarkan kenyataan yang terkandung di dalam poster kesedaran berpotensi mewujudkan kesan emosi yang berbeza terhadap pengguna. Sama ada kesan emosi tersebut cenderung kepada kesan positif atau negatif tetap mempengaruhi daya menyelami dan memahami perasaan atau emosi pengguna yang seterusnya memberi pengaruh terhadap sesebuah keputusan yang hendak dibuat. Selain itu, pengkaji barat, Li Li & Yue Yang (2018), dalam penulisannya juga ada menyatakan bahawa penggunaan emoji positif lebih kerap, berbanding dengan negatif, mungkin disebabkan oleh motif sosial dan psikologi.

Seterusnya, penulisan daripada artikel jurnal berjudul “*Emoji dan Ekspresi Emosi dalam Kalangan Komuniti Siber*” oleh Norwati & Hishamudin (2019), menjelaskan pemahaman makna penggunaan emoji yang mengiringi ekspresi emosi (marah) dalam rangkaian media sosial. Hasil penelitian menunjukkan penggunaan emoji yang mengiringi ekspresi emosi (marah) telah membentuk konsep makna marah seperti (meluat), (mengamuk), (benci), (takut), peristiwa dan tindakan. Penemuan yang dipaparkan dalam kajian ini dapat membuktikan bahawa kajian semantik yang dilaksanakan secara empirikal dan saintifik berkeupayaan dalam menyelesaikan segala masalah dari sudut pemahaman makna berkaitan penggunaan emoji yang mewakili setiap ekspresi emosi yang digunakan dalam komunikasi digital.

Kajian oleh Syabila, Noris & Rahmita (2019) dalam artikel jurnal yang bertajuk “*On the Use of Image and Emojis in Graphical Password Application*” dihasilkan bertujuan untuk meneroka emoji sebagai alternatif kata laluan grafik untuk pengesahan pengguna. Anggapan emoji lebih mudah diingat dan lebih selamat telah mendorong penyelidik untuk meningkatkan skema pengesahan kata laluan grafik yang ada. Penilaian kegunaan dan keselamatan telah dilakukan untuk meneroka

perbezaan antara kecekapan, keberkesanan, daya ingat, kepuasan pengguna, dan ruang kata laluan dan entropi prototaip. Hasil kajian menunjukkan tahap kecekapan, keberkesanan dan kepuasan pengguna yang dapat diterima dari sistem yang dicadangkan. Berdasarkan penemuan melalui kajian ini memberikan cadangan untuk masa akan datang untuk merancang skema pengesahan yang lebih berguna dan selamat dan antaranya adalah dengan mengaplikasikan penggunaan emoji.

Seterusnya, pemerolehan kajian daripada sumber buku ilmiah hasil penulisan oleh Melissa (2018), yang bertajuk “Analisis Makna Penggunaan Emoji dalam Ruangan Komen Status di Laman Facebook”. Penulis memaparkan fungsi emoji yang digunakan dalam ruangan komen status yang dimuat naik dalam laman sosial beliau. Hasil dapatan dari perbincangan mendapati emoji berfungsi untuk menggantikan tindak balas atau reaksi manusia dalam proses komunikasi dan secara tidak langsung dapat mewujudkan suasana yang lebih akrab antara pengguna dan pembacanya. Selari dengan kajian ini, Li Li & Yue Yang (2018) turut menghasilkan kajian yang juga melihat dari sudut fungsi emoji. Beliau mengkaji fungsi pragmatik emoji dalam komunikasi berasaskan internet dan mendapati bahawa emoji pada asasnya berfungsi sebagai penunjuk emosi dan peranti interaksi antara pengguna. Berdasarkan kedua-dua kajian ini, jelas menunjukkan bahawa fungsi utama emoji adalah sebagai penunjuk emosi ketika berinteraksi antara satu sama lain terutamanya dalam platform yang berasaskan internet.

Kajian seterusnya dari penerbitan jurnal artikel yang bertajuk, “Using Three-Coloured Emoji Dices to Improve Year Three Pupils’ Simple Sentence Construction” yang dihasilkan oleh Gonisha (2017) bertujuan merangkul persoalan sejauh mana penggunaan dadu emoji tiga warna dapat membantu meningkatkan pembinaan ayat mudah dalam kalangan murid tahun tiga. Strategi dadu emoji tiga warna dirancang untuk membantu murid-murid ini mempelajari struktur ayat mudah menggunakan corak SVOC melalui dadu bergolek yang menyeronokkan dan interaktif. Hasil kajian menunjukkan bahawa strategi ini telah berkesan membantu murid membina ayat mudah secara progresif. Kaedah ini boleh digunakan di kalangan murid yang memerlukan aktiviti pemulihan atau pengayaan kerana permainan ini adalah alat yang berkesan untuk murid yang lemah dalam meningkatkan kemahiran mereka membina ayat mudah. Melalui kajian ini, mampu membuktikan

bahawa emoji bukan sahaja berfungsi sebagai simbol makna dalam komunikasi malah juga mampu berfungsi sebagai simbol alat bantuan mengajar dalam meningkatkan penguasaan pembelajaran pelajar di sekolah.

2. Kajian Terhadap Tafsiran Emoji

Seterusnya, dalam bahagian kedua melibatkan perbincangan lima buat sorotan kajian tentang tafsiran emoji yang terdiri daripada kajian oleh Azlina & Shamsul, 2021; Intan & Yasir, 2020; Ummu, 2020; Zuwiri, Hanina & Hasren, 2018; dan Subashini & Sobihatun, 2017. Hanya terdapat empat kajian yang melibatkan bahagian ini dan keempat-empat sumber kajian ini masing-masing diperolehi melalui artikel jurnal dan prosiding.

Melalui jurnal artikel “Emoji & Emoticon-Related Legal Issues” oleh Azlina & Shamsul (2021), telah meneroka cabaran yang akan ditimbulkan dalam undang-undang terhadap penggunaan kaedah membina makna emoji dan emotikon dan respons kehakiman di Malaysia. Perkembangan penggunaan emoji dalam komunikasi manusia memberi banyak kesan kepada masyarakat termasuk undang-undang. Isu undang-undang yang berkaitan dengan emoji dan emotikon umumnya termasuk dalam dua kategori luas. Pertama, emoji yang menyumbang kepada salah faham akan memerlukan tafsiran kehakiman. Kedua, emoji menimbulkan persoalan mengenai ruang lingkup perlindungan mereka di bawah undang-undang harta intelek yang menunjukkan bahawa dunia sosial kita bergantung pada penggunaan bahasa yang ternyata penting dalam hampir semua konteks dalam komunikasi manusia. Melalui hasil kajian ini, dapat disimpulkan bahawa dalam undang-undang terutama hakim Malaysia perlu melengkapkan diri dengan kerangka tafsiran undang-undang berkenaan dengan emoji dan emotikon. Oleh kerana penggunaan aplikasi digital yang banyak menggunakan emoji dan emotikon di media sosial, pertikaian hukum akan dapat diramalkan melalui tafsiran bagi setiap emoji dan emotikon yang ada.

Perbincangan oleh Intan & Yasir (2020) berjudul “Cultural Interpretation of Emoji in Malaysian Context” telah dikemukakan dalam artikel jurnal berbentuk deskriptif. Penulisan ini bertujuan melihat perbezaan budaya dalam pentafsiran emoji (terpilih) dalam konteks di Malaysia. Hasilnya menunjukkan; (i) terdapat tafsiran umum yang dikongsi di antara tiga budaya untuk setiap emoji,

menyoroti makna universal yang ada pada emoji, (ii) terdapat pentafsiran tambahan dari setiap budaya untuk setiap emoji, menyoroti tafsiran khusus budaya untuk setiap emoji, dan (iii) setiap budaya mempunyai tahap variasi yang berbeza dari segi tafsiran untuk setiap emoji, menyoroti tahap potensi salah tafsir di antara budaya yang berbeza dalam komunikasi antara budaya. Secara keseluruhan, penulisan ini dapat memberikan bukti tambahan mengenai pentafsiran emoji yang dipengaruhi oleh keanehan budaya, dan memahami perbezaannya dapat membantu dalam komunikasi antara budaya yang lebih lancar dalam masyarakat berbilang budaya seperti di Malaysia.

Seterusnya, "Analysis of The Use of Interpersonal Communication Emoji on Whatsapp Use Among Students" hasil kajian oleh Zuwiri; Hanina & Hasren (2018), dilaksanakan adalah untuk mengenal pasti bentuk emoji yang telah digunakan dalam aplikasi Whatsapp dan mengkaji kesan penggunaan emoji dalam komunikasi interpersonal pelajar tahun akhir Universiti Utara Malaysia (UUM). Hasil kajian menunjukkan bahawa bentuk emoji yang digunakan dalam aplikasi WhatsApp sangat penting bagi setiap individu untuk melihat tahap reaksi mereka dengan penggunaan emoji. Tahap tersebut dilihat melalui empat bahagian iaitu mesej, tafsiran, interaksi dan emosi yang jelas. Kesan penggunaan emoji ini sangat bergantung pada tafsiran penerima mengenai emoji yang dihantar dan reaksi mereka terhadapnya. Kekurangan pengetahuan individu mengenai bentuk emoji yang digunakan, boleh menyebabkan makna atau tujuan yang tidak disengajakan disampaikan.

Selain itu, perbincangan yang dijalankan oleh Subashini & Sobihatun (2017), tentang "Undergraduates' Interpretation on WhatsApp Smiley Emoji" bertujuan untuk membuktikan bagaimana setiap individu yang terlibat mentafsir makna terhadap 75 emoji senyum. Hasil kajian menunjukkan bahawa walaupun pelajar menafsirkan beberapa senyuman dengan betul, mereka tidak mengetahui maksud yang dimaksudkan dari kebanyakan senyuman dengan betul. Kajian yang dijalankan oleh Zuwiri, Hanina & Hasren (2018), juga mencapai satu kesimpulan yang sama berdasarkan hasil kajian yang dilakukan. Para pelajar harus mengetahui maksud senyuman atau emoji yang digunakan dalam perbualan digital untuk memahami tujuan penggunaannya dan untuk mengelakkan salah faham dalam komunikasi. Berdasarkan kedua-dua perbincangan ini mampu membuktikan bahawa

kekurangan pengetahuan dalam tafsiran emoji terhadap seseorang individu, boleh menimbulkan salah faham dalam menyampaikan makna atau tujuan sebenar yang cuba disampaikan. Berdasarkan hasil kajian ini juga, dicadangkan setiap tafsiran emoji ini dapat dibukukan dan dijadikan panduan dan rujukan untuk pengkaji lain atau sebagai pengetahuan kepada masyarakat yang umumnya sering menggunakan emoji melalui komunikasi digital.

Selanjutnya, perbincangan oleh Ummu (2020), dalam penulisan artikel bertajuk "Emoji: An Ideogrammatic Icon Used In Communication Through A Gender Perspectives" mengupas tentang perbezaan antara lelaki dan wanita dalam menafsirkan emoji tertentu. Hasil tinjauan menunjukkan bahawa dua dari lapan emoji yang telah disediakan dalam borang soal selidik ditafsirkan secara berbeza oleh pengguna lelaki dan wanita. Oleh itu, terbukti bahawa emoji ditafsirkan secara berbeza oleh peserta lelaki dan wanita dalam penyelidikan yang telah dijalankan ini. Kajian oleh Macarro & Cabrejas (2014), turut melihat tafsiran emoji atau emotikon berdasarkan penggunaannya mengikut peranan jantina (lelaki dan perempuan). Bagi peranan yang dimainkan oleh jantina, hasil kajian beliau menunjukkan bahawa peserta lelaki menjadikan penggunaan emotikon sebagai tafsiran kepada "emosi", manakala bagi peserta wanita menggunakan emotikon lebih kepada gurauan atau mengusik. Berdasarkan kedua-dua kajian ini, masing-masing menerangkan wujudnya perbezaan dalam tafsiran mengikut jantina. Namun, perbincangan ini mungkin dapat diperkukuhkan lagi dengan menyatakan peranan yang boleh dimainkan oleh pemboleh ubah jantina dalam emoji atau emotikon yang digunakan bagi mengukuhkan lagi pemerhatian mereka terhadap isu ini.

Berdasarkan kepada sorotan kajian emoji yang diteliti menunjukkan bahawa trend kajian emoji banyak memfokuskan kepada penyelidikan terhadap fungsi penggunaan emoji dan tafsiran emoji. Hal ini bukan sahaja dapat dibuktikan melalui kajian-kajian emoji yang dilihat di Malaysia, malah diperkukuh lagi dari sejumlah kajian tentang emoji dari luar negara. Jelas menunjukkan bahawa kajian emoji juga mendapat perhatian daripada para pengkaji di seluruh dunia. Kajian emoji juga telah menjadi sebahagian penyelidikan yang popular dikaji dalam kalangan pengkaji dari pelbagai bidang, baik di Malaysia mahupun di luar negara.

3. Trend Kerangka Teori atau Pendekatan yang Digunakan

Seterusnya, merujuk kepada objektif kedua iaitu meneliti trend kerangka teori atau pendekatan yang digunakan oleh pengkaji di Malaysia dalam menjalankan penyelidikan berkaitan emoji. Kerangka teori atau pendekatan merupakan konsep asas dalam penyelidikan yang saling berkaitan, agar gambaran pemboleh ubah antara satu sama lain dapat dihubungkan secara terperinci dan sistematik (Nik Azis 2003: 32). Ini menjadikan sesuatu kajian yang dilakukan lebih berstruktur dan berlandaskan kepada suatu pegangan yang menjadikan kajian berjalan dengan lancar dan teratur serta dapat difahami dengan lebih mudah.

Berdasarkan analisis terhadap kerangka teori atau pendekatan dalam sorotan kajian emoji yang dibincangkan, didapati bahawa terdapat pelbagai jenis kerangka teori atau pendekatan yang digunakan dalam kalangan pengkaji di Malaysia. Antaranya, seperti kajian yang dilakukan oleh Azianura (2020) telah melaksanakan kajian beliau dengan bersandarkan kepada teori *Speech Act* yang diperkenalkan oleh Searle (1976). Tajuk kajian yang dikemukakan adalah berdasarkan kandungan dalam teori lakuan tutur yang digunakan iaitu melihat kepada kekuatan ilokusi emotikon sebagai strategi lakuan tutur dalam persekitaran komunikasi dalam talian berbilang budaya. Kelebihan menyatakan dan memasukkan perihal skop atau kerangka penelitian dalam tajuk utama menjadikan sesebuah kajian itu lebih berobjektif dan jelas. Penulis menjadikan kerangka penyelidikan sebagai sebahagian daripada penerangan dalam tajuk yang beliau jalankan.

Seterusnya, kajian oleh Rohayah & Hadina (2020), menggunakan teori 8-*“function taxonomy of emoji”* yang digagas oleh Yus (2014) bertujuan menganalisis interaksi penggunaan emoji melalui *Whatsapp* dalam skop pekerjaan yang melibatkan isyarat sikap, menyatakan intensiti, menguatkan atau mengurangkan kekuatan ilokusi lakuan tutur, membahas isi kandungan ucapan, pertentangan isi ucapan, menambahkan emosi atau perasaan pada keseluruhan tindakan komunikatif dan menyampaikan kekuatan perasaan atau emosi yang dikodkan secara lisan. Selari dengan kajian ini, pengkaji dari China, Li Li & Yue Yang (2018) juga mengaplikasikan teori ini dalam kajiannya yang melihat fungsi pragmatik emoji melalui *Wechat*. Oleh demikian, teori yang digunakan ini menunjukkan kesesuaian dengan topik perbincangan khususnya

berkaitan fungsi penggunaan emoji dalam platform komunikasi digital.

Selanjutnya, penelitian yang dijalankan oleh Zahra & Maizatul (2020), untuk mengelompokkan emoji ke dalam kelas emosi, beliau menggunakan algoritma pembelajaran mesin dengan mengaplikasikan teori Fuzzy Clustering yang digagas oleh Bezdek (1973), yang merupakan bentuk pengelompokan di mana setiap titik data dapat dimiliki oleh lebih dari satu kluster. Pengaplikasian teori Fuzzy Clustering ini adalah untuk mengkategorikan emoji dan menambahkan maklumat diskriminasi pada model yang ada. Dengan itu, pengkaji dapat memperoleh data dengan lebih terperinci dan tepat.

Penulisan oleh Noorlida & Zamzuri (2019), juga dihasilkan berdasarkan pegangan kepada teori yang berkait dengan subjek perbincangannya. Terdapat dua teori yang disandarkan bagi menyempurnakan pemerhatian dalam kajiannya iaitu dengan menggunakan teori simulasi dan fenomena *uncanny valley* (Noorlida & Zamzuri 2019:15). Teori simulasi dirujuk untuk mengembangkan aspek empati reka bentuk emoji dalam poster kesedaran manakala, fenomena *uncanny valley* dirujuk untuk memahami aspek kesan emosi yang realistik. Penulisan yang dihasilkan ini hanyalah merupakan kajian konsep yang menggabungkan penilaian terhadap setiap aspek yang ditinjau berpandukan kajian-kajian lampau dan teori-teori berkaitan sahaja.

Kajian oleh Melissa (2018), pula mengaplikasikan teori semantik: kompenan makna, makna sejagat & perdebatan sintaksis oleh Ruth M. (1977) dan teori komunikasi oleh Werner & James (1988) dalam kajiannya. Teori yang diaplikasinya sangat bersesuaian dengan topik yang dibincangkan iaitu untuk menganalisis makna penggunaan emoji dalam komunikasi, dan ini dapat dibuktikan melalui hasil kajian beliau yang menunjukkan bahawa penggunaan emoji sebagai penyampaian mesej atau maklumat tertentu bertujuan untuk memaparkan perasaan atau ekspresi terhadap status yang dimuat naik.

Selain mengaplikasikan kerangka penelitian berlandaskan teoretikal atau menggunakan kerangka teori, terdapat beberapa kajian lain yang menjalankan kajian mereka menggunakan pelbagai pendekatan. Intan & Yasir (2020), memilih pendekatan kualitatif, bersifat deskriptif kerana melibatkan penghuraian terhadap kandungan berkaitan isu yang dikaji. Teknik pensampelan digunakan untuk memperoleh maklum balas daripada responden

melalui pensampelan homogen bertujuan kerana kajian ini memfokuskan pada ciri budaya. Kajian menumpukan pada tiga budaya utama iaitu Melayu, Cina, dan India. Data dikumpulkan daripada 180 responden (60 dari setiap budaya). Pengkaji telah mengelompokkan kajian beliau berdasarkan skop pemerhatian dan hasil dapatan yang dijelaskan teratur dan berstruktur dan mudah difahami oleh pembaca atau pengkaji lain sekiranya kajian ini dijadikan sebagai rujukan.

Berikutnya, kajian oleh Norwati & Hishamudin (2019), menggunakan pendekatan kualitatif berbentuk analisis kandungan dengan memperolehi data daripada media sosial *facebook*. Sebanyak 100 akaun milik peribadi pengguna *facebook* telah dipilih sebagai data kajian bermula dari bulan November 2017 hingga Februari 2018. Proses pemerolehan data daripada sumber *facebook* dilaksanakan secara berperingkat-peringkat dimulai dengan proses memuat turun teks serta memindahkan format teks ke dalam bentuk digital. Penyelidikan ini juga dilaksanakan dengan melalui proses pengimbasan kod emoji berdasarkan *Unicode ASII (American Standard Code for Information Interchange)*. Di samping itu, proses pengesahan, pembetulan serta penandaan teks digital dilaksanakan secara berperingkat-peringkat dengan bantuan perisian *wordsmith tools 7.0* (Scott, 2016). Kajian ini merupakan satu kajian semantik bagi memberikan struktur makna yang diyakini. Penemuan daripada kajian ini membuktikan bahawa kajian semantik yang dijalankan secara empirikal dan saintifik mampu menyelesaikan masalah pemahaman makna mengenai penggunaan emoji dalam dunia siber.

Di samping itu kajian yang dilaksanakan oleh Subashini & Sobihatun (2017), turut menggunakan pendekatan kualitatif dengan menggunakan kaedah soal selidik dan analisis deskriptif. Pengkaji cuba menyiasat 210 tafsiran pelajar mengenai 75 makna senyum (seperti wajah) di *WhatsApp Messenger*. Responden terlibat diminta memberi maklum balas dalam soal selidik tinjauan yang dikendalikan sendiri untuk mengumpulkan maklumat mengenai tafsiran mereka mengenai senyuman yang digunakan di *WhatsApp*. Analisis deskriptif dilakukan terhadap pentafsiran emoji oleh pelajar. Dicadangkan, tafsiran yang diperoleh tersebut dapat dibuktikan dan diperkukuhkan hasilnya bersandarkan kepada teori-teori yang dikemukakan oleh para ahli sarjana yang mempunyai hubung kaitnya dengan subjek kajian yang dikaji.

Seterusnya, kajian oleh Zuwiri, Hanina & Hasren (2018), telah menggunakan pendekatan temu bual separa berstruktur untuk mengumpulkan maklumat dalam perbincangan mereka. Seramai enam orang informan yang terdiri daripada pelajar tahun akhir UUM yang berbeza kampung halaman telah menjadikan diri mereka sebagai pemberi maklumat. Temu bual dijalankan untuk mengenal pasti bentuk emoji yang digunakan dalam aplikasi *Whatsapp* dan mengkaji kesan penggunaan emoji dalam komunikasi interpersonal pelajar tahun akhir Universiti Utara Malaysia (UUM). Berdasarkan hasil temu bual tersebut, pengkaji menyimpulkan satu kesimpulan nyata berdasarkan keseluruhan dapatan hanya melalui temu bual. Sama seperti yang dijelaskan dalam huraian kajian di atas, kajian ini juga dilaksanakan tanpa bersandarkan kepada sesuatu pegangan yang kukuh agar hasil dapatan yang dikemukakan tersebut dapat disokong oleh kenyataan oleh ahli sarjana yang telah menjalankan kajian berkaitan sebelum ini. Ini menjadikan kebolehpercayaan hasil kajian yang dilaksanakan ini meragukan.

Seterusnya, kajian oleh Gonisha (2017), menggunakan kaedah pemerhatian di samping mengaplikasikan kaedah analisis dokumen, serta wawancara dalam kajiannya tentang penggunaan dadu emoji tiga warna yang bertujuan untuk meningkatkan kemahiran murid dalam membina ayat bahasa Inggeris. Beliau memilih enam peserta yang terdiri daripada satu pelajar lemah, tiga pelajar sederhana dan dua pelajar pintar. Data yang dikumpulkan dianalisis dan ditafsirkan untuk membuktikan kredibiliti dan kebolehpercayaan data. Hasil kajian menunjukkan bahawa strategi ini telah berkesan membantu murid membina ayat mudah secara progresif. Kajian ini juga sesuai sekiranya menyelitkan teori perkembangan kognitif bagi menilai tahap keupayaan pelajar dan melihat dari sudut pembangunan kognitif pelajar dalam pembelajaran. Menurut Nani & Rohani (2004), dalam bukunya bertajuk "Panduan Kognitif Kanak-kanak Prasekolah", menyatakan bahawa kognitif adalah merujuk kepada intelek atau pemikiran individu. Perkembangan kognitif kanak-kanak melibatkan perubahan pemikiran yang berlaku dalam peringkat perkembangan kepada peringkat yang seterusnya. Oleh demikian, sekiranya teori ini diaplikasikan dalam kajian ini, kemungkinan dapat memperkukuhkan lagi hasil dapatan kajian dengan maklumat tambahan tentang proses perubahan

pemikiran pelajar yang berlaku dalam peringkat-peringkat tertentu.

Bagi penyelidikan yang telah dijalankan oleh Ummu (2020), beliau menggunakan dua pendekatan dalam kajiannya iaitu pendekatan kuantitatif dan kualitatif yang membentuk reka bentuk penyelidikan kaedah campuran, yang secara eksplisit bertujuan untuk menghasilkan maklumat dan penemuan mengenai perbandingan penggunaan emoji antara jantina, serta perbezaan mereka dalam mentafsir emoji. Oleh itu, borang soal selidik yang terdiri daripada dua jenis pertanyaan, yang bersifat tertutup dan terbuka, menjadi instrumen utama dalam menjalankan kajiannya. Penggabungan kedua-dua kaedah tersebut membolehkan pengkaji mengumpulkan data yang kaya dan menyeluruh dari para peserta seperti yang diperkatakan oleh (Wisdom & Creswell, 2013).

Berbeza dengan kajian-kajian lain, kajian yang dihasilkan oleh Azahar et al., (2021), mengaplikasikan pendekatan analisis semiotik yang melibatkan dua fasa iaitu fasa 1: analisis semiotik dan fasa 2: analisis tinjauan. Dalam fasa 1: analisis semiotik digunakan untuk memeriksa sampel watak-watak emoji dan menerangkan bagaimana unsur-unsur formal (visual) memberi makna dan memudahkan interaksi pengguna. Oleh demikian, untuk melaksanakan tugas ini, pengkaji menggunakan Model Triadik yang diperkenalkan oleh seorang ahli falsafah Amerika Pierce (1903), model ini terdiri daripada tiga aspek iaitu objek, wakil dan pentafsiran. Model Triadik Pierce menunjukkan anggapan bahawa objek adalah entiti yang dilambangkan oleh kata atau frasa yang dapat dianggap sebagai wakil. Namun, ini tidak bermaksud bahawa objek itu mesti nyata. Merujuk kepada model tersebut, simbol yang digunakan ialah ikon daun yang diwakili oleh daun kata (teks atau suara). Teks itu kemudian ditafsirkan (secara lisan atau visual) sebagai daun. Oleh itu, jika ikon tersebut terdapat pada bungkusan, pengguna akan dapat menafsirkan dan mengaitkannya dengan alam semula jadi, persekitaran atau kelestarian. Menurut Lester (2014), kemampuan menafsirkan makna berdasarkan dua proses iaitu deria dan persepsi. Berdasarkan penelitian yang dijalankan oleh pengkaji ini menunjukkan bahawa deria berlaku semasa manusia mengenal pasti atau mengenali gambar. Persepsi sebaliknya, adalah proses menghasilkan makna.

Penulisan seterusnya yang dilihat ialah kajian oleh Azlina & Shamsul (2020), yang merupakan

sebuah kajian berbentuk konseptual yang menerapkan kaedah penyelidikan hukum doktrin terutama melalui penyelidikan perpustakaan melibatkan bidang undang-undang. Mahkamah telah mengkategorikan dan menggunakan fungsi emoji menggunakan alat pentafsiran kehakiman standard. Oleh itu, mahkamah dapat mengenal pasti bila emoji pesanan bercampur membalikkan makna teks. Terdapat empat prinsip atau pendekatan umum yang dikembangkan oleh hakim untuk membantu dalam tafsiran dan pembinaan undang-undang iaitu, pendekatan literal, pendekatan keemasan, pendekatan kenakalan dan pendekatan bertujuan. Peraturan pentafsiran menunjukkan apa yang harus dilakukan oleh mahkamah sekiranya tidak ada niat yang tersurat atau tersirat untuk sebaliknya. Oleh kerana penggunaan aplikasi digital yang banyak menggunakan emoji dan emotikon di media sosial, menurut pengkaji perselisihan hukum akan dapat diramalkan dalam waktu terdekat atau akan datang melalui hasil penyelidikan yang dijalankan ini.

Sementara itu, perbincangan yang dilakukan oleh Syabila, Noris & Rahmita (2019), yang merangka penilaian terhadap skema pengesahan kata laluan grafik menggunakan emoji. Pemerhatian ini dilakukan dengan menggunakan pendekatan mekanisme pengesahan dua faktor (*two-factor authentication mechanism*) yang telah dikembangkan yang dinamakan sebagai aplikasi "*SecureImageEmoji*". Aplikasi ini mempunyai kemampuan untuk mengesahkan kesahihan pengguna dengan menggabungkan gambar dan emoji gabungan kata laluan grafik yang dipilih. Ilustrasi *SecureImageEmoji* yang dikembangkan telah disusun mengikut tema yang sama seperti belon udara panas, taman, dan tempat bersejarah dalam tema gambar pemandangan. Oleh itu, melalui perbincangan ini telah menyumbang satu sistem yang berguna untuk mengesahkan aplikasi kata laluan grafik dengan memasang gambar dengan emoji. Input utama adalah pengenalan kaedah grafik berdasarkan pengiktirafan yang menggunakan emoji untuk menentang beberapa ancaman umum terhadap keselamatan tanpa menghapuskan penggunaan kata laluan grafik.

Berdasarkan keseluruhan kajian yang melihat kepada trend kerangka penelitian didapati bahawa kajian emoji ini boleh dibincangkan dalam pelbagai jenis atau bentuk kerangka teori atau pendekatan yang sesuai. Selain mengaplikasikan teori dalam kajian, terdapat beberapa pendekatan lain turut digunakan antaranya bersandarkan kepada kaedah

kualitatif dan merupakan antara pendekatan yang sering digunakan oleh pengkaji dalam sorotan kajian yang diteliti ini. Menurut Crawford & Irving (2009), reka bentuk kajian kualitatif sangat sesuai digunakan dalam menjalankan kajian yang bersifat penerokaan. Selaras dengan reka bentuk kualitatif, kajian kes, temu bual dan analisis kandungan merupakan antara strategi dan teknik kajian yang sering diaplikasikan dalam penyelidikan (Naqiyuddin 2008). Oleh demikian, kebanyakan pengkaji yang mengkaji tentang emoji menggunakan pendekatan kualitatif sebagai penanda aras dalam mencapai objektif penyelidikan mereka. Tambahan, melalui kerangka teori dan pendekatan yang digunakan ini dapat menyumbangkan idea kepada para pengkaji akan datang dalam memberikan gambaran struktur dan bentuk kajian baru yang akan dijalankan kelak.

KESIMPULAN

Dalam tempoh 20 tahun sejak set emoji pertama dilancarkan, penyelidikan mengenainya terus meningkat, walaupun dalam berbagai arah. Melalui kajian-kajian lepas yang mengkaji mengenai emoji banyak menyumbang pengetahuan tentang perkembangan penggunaan emoji, fungsi dan aplikasi emoji yang telah wujud dalam pelbagai bentuk platform. Melalui artikel yang dihasilkan ini, dapat memberikan tinjauan sistematik mengenai penyelidikan emoji yang telah dibincangkan oleh kumpulan pengkaji sebelum ini. Berdasarkan penelitian terhadap kajian-kajian ini, dapat memaparkan antara trend kajian tentang emoji yang sering menjadi topik atau subjek perbincangan dalam kalangan para penyelidik.

Hasil pemerhatian menunjukkan bahawa antara trend pilihan pengkaji adalah mengkaji tentang fungsi penggunaan emoji berbanding melihat dari sudut perspektif yang lain. Selain itu, tafsiran terhadap emoji juga antara trend kajian yang sering dibincangkan dalam kalangan pengkaji. Walaupun pemerhatian atau pengamatan mereka adalah berdasarkan perspektif emoji namun, setiap kajian yang dijalankan ini dilihat dalam medium yang berbeza. Oleh itu, melalui kajian-kajian ini juga dapat menyumbang kepada pengetahuan pelbagai tentang fungsi penggunaan emoji dan tafsiran emoji yang dikaji dari sudut yang berbeza.

Di samping itu, penelitian yang dilakukan terhadap trend kerangka teori atau pendekatan yang digunakan dalam kalangan pengkaji-pengkaji

ini boleh dijadikan panduan asas kepada teknik penyelidikan yang seterusnya dalam menjalankan kajian berkaitan emoji. Trend kerangka teori atau pendekatan yang menjadi pilihan utama kumpulan pengkaji ialah dengan menggunakan pendekatan kualitatif iaitu melibatkan kaedah temu bual, soal selidik dan pemerhatian. Selain itu, kerangka teoretikal juga dijadikan sandaran kepada kajian yang dilaksanakan sekali gus menjadikan salah satu trend kepada pemilihan kerangka kajian oleh pengkaji emoji.

Oleh itu, melalui penelitian dalam kajian yang dihasilkan ini sedikit sebanyak dapat memberikan sumbangan terhadap pengetahuan dan maklumat semasa berkaitan kajian emoji. Di samping itu juga, dapat dijadikan sebagai rujukan dan cetusan idea kepada lapisan pengkaji-pengkaji baharu pada masa akan datang yang mungkin dikaji atau dilihat dalam sudut perspektif yang berbeza dan lebih menarik berkaitan emoji.

PENGHARGAAN

Artikel ini merupakan sebahagian daripada penyelidikan FRGS/1/2020/SSI0/UKM/02/14 yang bertajuk Pembinaan Korpus Bahasa Melayu Internet dalam Kalangan Generasi Z. Penghargaan juga kepada Peruntukan Tabung Agihan Penyelidikan (TAP) yang telah membiayai penerbitan ini.

RUJUKAN

- Alienna, K.; Rana, A.; Anjum, U.; & and Khan, M. (2019). *Emojisification of Language : A Pragmatic Analysis of Facebook Discourse. Purdue Linguistics, Literature, and Second Language Studies Conference*. West Lafayette, Indiana: Purdue University.
- Azhar et al. (2021). Understanding Emoji Characters In Instant Messaging Apps. *Journal of Contemporary Social Science Research*, Vol.5, Issue 1, 20-29.
- Azianura. (2020). (Accentuating Illocutionary Forces: Emoticons as Speech Act Realization Strategies in a Multicultural Online Communication Environment). *3L: The Southeast Asian Journal of English Language Studies – Vol 26(1)*, 135-155.
- Azlina & Shamsul. (2021). EMOJI & EMOTICON-RELATED LEGAL ISSUES. *Journal Voice of Academia*, 55 - 62.
- Crawford, J. & Irving, C. (2009). Information literacy in the workplace: a qualitative exploratory study. *Journal of Librarianship and Information Science 41(1)*, 29-38.

- Dewey & Drahota. (2016) Introduction to systematic reviews: online learning module Cochrane Training <https://training.cochrane.org/interactivelearning/module-1-introduction-conducting-systematic-reviews>
- Dinda Auchterin Rhapsodya. (2014). Fungsi Penambahan Emotikon pada Teks dalam Penulisan Blog. Undergraduate thesis, BINUS.
- Douglas et al. (2009). Psychosis as a Risk Factor for Violence to Others: A Meta-Analysis. *Psychological Bulletin*, Vol. 135, No. 5, 679–706.
- Fauzia & Muniral. (2016). Fungsi Ilokusi Smiling Emoji Sebagai Strategi Kesantunan. *Student e-journal Vol 5, No 4*, 1-18.
- Gonisha Ong Mei Ling. (2017). Using Three-Coloured Emoji Dices To Improve Year Three Pupils' Simple Sentence Construction. *Jurnal Penyelidikan Tindakan IPG KBL*, 31-45.
- Hazita Azman et al. (2020). A Systematic Review on Bilingualism and Language Processing from 2015-2019. *The Southeast Asian Journal of English Language Studies – Vol 26(1)*, 18 – 31.
- Hayrol et al. (2020). Systematic Literature Review on Adaption Towards Climate Change Impacts Among Indigenous People in The Asia Pacific Regions. *Jurnal of Cleaner Production*, 1-14.
- Hsieh, H. F. & Shannon, S. (2005). Three approaches to qualitative content analysis. *Qualitative Health Research*, 15, 1277–1288.
- Hsiu & Sarah . (2005). Three Approaches to Qualitative Content Analysis. *Qualitative Health Research*, Vol. 15 No. 9, 1277-1288.
- Intan & Yasir. (2020). Cultural Interpretation of Emoji in Malaysian Context. *International Conference on Humanities* (pp. 751-758). Pulau Pinang: European Proceedings of Social and Behavioural Sciences (EpSBS).
- Jim Stewart et al. (2011). What is Theory? *Journal of European Industrial Training Vol. 35 No. 3*, 221-229.
- Lauren & Gretchen. (2019). Emoji as Digital Gestures. *Articles Language @ Internet Volume 17*, 1-19.
- Lester. (2014). Visual communication: Images and messages. Boston, MA: Wadsworth/Cengage Learning
- Li Li & Yue Yang. (2018). Pragmatic Function of Emoji in Internet-based Communication : A Corpus-based Study. *Asian-Pacific Journal of Second and Foreign Language Education*, 1-12.
- Ling. (2018). The Golden Era of Emoji an Exploration of Emoji and Emoji System Design. Politecnico di Milano, 1-232.
- Linira et al. (2020). *Book Of Abstracts “Establishing Knowledge Network for Society Empowerment”*. The Centre for Language Studies and Generic Development. Kelantan: Universiti Malaysia Kelantan.
- Macarro & Cabrejas. (2014). A pragmatic and multimodal analysis of emoticons and gender in social networks. *Semantic Scholar*, 175-197.
- Mark & Helen. (2006). *Systematic Reviews in the Social Sciences: A Practical Guide*. United Kingdom: Wiley-Blackwell Publishing.
- Melissa Onellia. (2018). Analisis Makna Penggunaan Emoji dalam Ruangan Komen Status di Laman Facebook Melissa Onellia Edward : Suatu Kajian Semantik dan Komunikasi. In A. Nur'Ain, *Bahasa dan Internet* (pp. 66-76). Pulau Pinang: Universiti Sains Malaysia.
- Miller, Hannah. (2018). *Identifying the Risks of Miscommunicating with Emoji*. Retrieved from the University of Minnesota Digital Conservancy, <https://hdl.handle.net/11299/201138>.
- Moher, D.; Liberati, A.; Tetzlaff, J. & Altman, D. (2009). Preferred Reporting Items for Systematic Reviews and Meta-Analyses: The PRISMA Statement. *PLoS Medicine*; *PLoS*.
- Nani & Rohani. (2004). *Panduan kognitif kanak-kanak prasekolah*. Kuala Lumpur: PTS Publications & Distributor Sdn. Bhd.
- Naqiyuddin. 2008a. Towards a new mode of governance in Malaysia: policy, regulatory and institutional challenges of digital convergence. Tesis Ph.D. University of Hull.
- Nik Azis. (2003). Penggunaan Teori dan Kerangka Teori dalam Penyelidikan Pendidikan Matematik. *Masalah Pendidikan Jilid 26*, 29-61.
- Norwati & Hishamudin. (2019). Emoji dan Ekspresi Emosi dalam Kalangan Komuniti Siber : Satu Kajian Rintis. *PENDETA Journal of Malay Language, Education and Literature Jilid 10, 2019 / ISSN 1823-6812*, 12-23.
- Noorlida & Zamzuri. (2019). Kerangka Konseptual Reka Bentuk Emoji untuk Poster Kesedaran dalam Bentuk Media Bercetak. *KUPAS SENI Jurnal Seni dan Pendidikan Seni, Vol. 7*, 11-21.
- Opfer & Pedder. (2011). Conceptualizing Teacher Professional Learning. *Review of Educational Research*, Vol. 81, No. 3, pp. 376–407.
- Pui Kuet Poh. (2015). Using Emoji Word Slide and Bingo Game In Improving Pronunciation Of Long Vowel /I:/ Among Year Four Pupils . *Jurnal Penyelidikan Tindakan IPGK BL*, 42-58.
- Qiyu Bai et al. (2019). A Systematic Review of Emoji: Current Research and Future Perspectives. *Frontiers in Psychology Journal*, 1-35.
- Rohayah & Hadina. (2020). An Analysis of Whatsapp Emoji in Business Interactions between a Malaysian SME and the Turkish Counterparts. *LSP International Journal, Vol. 7, Issue 1*, 27-37.
- Samsul et al. (2020). The ABC of systematic literature review: the basic methodological guidance for beginners. *Springer Nature B.V.*, 1-28.

- Subashini & Sobihatun. (2017). Undergraduates' Interpretation on Whatsapp Smiley Emoji. *Jurnal Komunikasi Malaysian Journal of Communication Jilid 33(4)*, 89-103.
- Syabila, Noris & Rahmita. (2019). On the Use of Image and Emojis in Graphical Password Application. *International Journal of Innovative Technology and Exploring Engineering (IJITEE)*, 379-385.
- Umashanthi & Jacob (2015). Emoticons vs. Emojis on Twitter: A Causal Inference Approach. *Semantic Scholar*, 1-4.
- Ummu Syafiqah. (2020). Emoji: An Ideogrammatic Icon Used in Communication Through A Gender Perspectives. Thesis Ijazah Sarjana, 1-51.
- Wiersma, W. (1986). *Research Methods in Education: An Introduction*. New York: Lippincott Company.
- Wisdom & Creswell. (2013). Mixed methods: Integrating quantitative and qualitative data collection and analysis while studying patient-centered medical home models. Rockville, MD: *Agency for Healthcare Research and Quality: AHRQ Publication No. 13-0028-EF*.
- Xiao & Watson. (2017). Guidance on Conducting a Systematic Literature Review. *Journal of Planning Education and Research*, 1-20.
- Zahra & Maizatul. (2020). Feature Extraction Based on Fuzzy Clustering and Emoji Embeddings for Emotion Classification. *International Journal of Technology Management and Information System Vol. 2, No. 1*, 102-112.
- Zuwiri, Hanina & Hasren. (2018). Analysis oh The Use of Interpersonal Communication Emoji on Whatsapp Use Among Students. *Advances in Social Science, Education and Humanities Research, volume 241*.
- Nur Diyana Zamani. Merupakan calon Doktor Falsafah dalam bidang Kajian Bahasa Melayu, di Pusat Pengajian Bahasa, Kesusasteraan dan Kebudayaan Melayu, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Maslida Yusof, PhD. Profesor Madya di Pusat Kajian Bahasa, Kesusteraan dan Kebudayaan Melayu, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia. Bidang penyelidikan beliau ialah Semantik dan Pragmatik.